

Kenaikan gaji sebabkan inflasi semakin meningkat

SHAH ALAM – Kadar gaji di negara ini masih berada pada tahap kompetitif dan kenaikannya hanya akan menyebabkan inflasi semakin meningkat.

Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Muamalat Universiti Sains Islam Malaysia, Prof Dr Abdul Rahim Abdul Rahman berkata, kerajaan perlu melihat cara mengawal kos sara hidup

berbanding memberi penekanan terhadap kenaikan gaji.

“Penyelesaian bagi menghadapi peningkatan kos sara hidup bukan dengan menaikkan gaji atau mengkaji kadar baru gaji siswazah. Kalau naikan gaji, inflasi juga akan naik dan ia tidak akan tamat sampai bila-bila.

“Apa yang perlu kerajaan buat ialah bagaimana mengawal kos sara

hidup. Ini kerana kadar gaji permulaan sebanyak RM2,500 sudah dianggap kompetitif dalam konteks Malaysia,” katanya, semalam.

Menurutnya, kenaikan gaji hanya boleh dilakukan jika negara lebih kompetitif dengan tahap produktiviti pekerja dapat ditingkatkan.

“Kadar RM2,500 itu kompetitif jika mengikut harga pasaran. Kalau

dinaikkan, industri akan jadi lebih tidak kompetitif.

“Kenaikan gaji yang tidak setimpal dengan produktiviti akan menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan bertambah mahal. Maknanya kalau produktiviti kekal pada tahap sama tetapi gaji atau kos buruh dinaikkan, kos sara hidup akan meningkat juga,” katanya.

Sebagai alternatif kenaikan gaji, kerajaan boleh memfokuskan pemberian faedah kepada pekerja.

“Faedah perubatan dan elaun perumahan misalnya, tidak begitu ketara kesannya kepada ekonomi. Kuasa beli dengan gaji sebanyak RM2,500 di Malaysia adalah munasabah, namun bergantung kepada cara penerima gaji membelanjakannya,” katanya.